Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Kikis konsep kebumiputeraan

Rafidah: Susun strategi di pasaran terbuka

KUALA LUMPUR, Selasa

USAHAWAN-usahawan Bumiputera hari ini digesa supaya mengikis konsep atau fahaman "kebumiputeraan" dalam perlaksanaan projeknya dan menyusun satu strategi pemasaran sesuai dengan pasaran terbuka di negara ini.

"Konsep kebumiputeraan hanya akan menghadkan kegiatan mereka untuk golongan Bumiputera sedangkan pasaran dalam negeri dan pasaran asing adalah terbuka yang memerlukan penglibatan semua kaum," kata Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz.

Sekalipun mendapat bantuan dari pihak-pihak berkenaan, usahawan Bumiputera tidak dapat mengelak dari persaingan di pasaran dan untuk mencapai kemajuan, menghadkan keluarannya untuk satu golongan di satu kawasan tertentu hanya akan membantutkan kegiatan mereka, tegas beliau.

Beliau menegaskan bahawa dalam dunia perniagaan, unsur-unsur perkauman mesti dikikis kerana matlamat utama bagi sebarang usahawan ialah mendapat keuntungan yang paling maksima.

Pengusaha kecil

"Tawaran, peratus pulanggan yang tinggi dan syarat-syarat yang sesuai hendaklah dipentingkan, bukannya ditekan kepada konsep kebumiputeraan," jelasnya ketika merasmikan Syarikat Kapoor Lamp Shades, anak syarikat Mico Letrik, di sini.

Katanya, kebanyakan pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera tidak mengetahui ciri-ciri pasaran terbuka dan lebih menekankan kepada satu saluran pasaran sahaja.

Datin Paduka Rafidah berkata, ada ramai usahawan Bumiputera hanya mengeluarkan barangan untuk Bumiputera sahaja, malahan jenamanya juga lebih kepada ciri-ciri kebumiputeraan.

"Kerana sikap itulah maka ramai pengusaha Bumiputera silap dalam pendekatan pengeluaran dan pemasaran sehingga setiap yang dilakukan mestilah semata-mata untuk Bumiputera." katanya.

Datin Paduka Rafidah berkata, persaingan dalam pasaran sekarang adalah sengit dan usahawan Bumiputera mestilah menyusun satu strategi pasaran yang baik dan bukannyan mengamalkan sikap kebumiputeraan sahaja.

Beliau mengggesa usahawan Bumiputera supaya sering berbincang dengan kaum-kaum lain yang lebih mengetahui dalam seluk beluk perniagaan dan sebolah-bolehnya mejadikan mereka rakan dalam sesuatu kegiatan.

Bumiputera, tambahnya, tidak dapat menggelakkan diri dari menghadapi saingan dalam pasaran. Oleh itu mereka hendaklah menyusun satu sistem yang strategik dalam perdagangan, termasuk lokasi yang sesuai, pasaran yang tidak terhad kepada satu kawasan dan juga jenama yang melambangkan kegunaan untuk semua kaum.

Datin Paduka Rafidah memuji syarikat Kapoor Lamp Shades yang mempunyai lokasi yang stratefgik di tengah bandaraya Kuala Lumpur.

Pengerusi Syarikat itu, Encik Abdul Aziz Jaudin berkata, syariaktnya sedang merancang untuk menubuhkan cawangan-cawangan jualannya di seluruh Semenanjung dan cawangan yang pertama akan dibuka di Shah Alam tidak lama lagi.

Kapoor Lamp Shades menawarkan lebih 1,000 jenis lampu hiasan rumah yang bermutu tinggi dengan jenama yang terkenal dari India untuk para pelanggannya.

■ DATIN Paduka Rafidah Aziz melihat pusat pameran lampu Kapoor Lamp Shades.